

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT
KAWASAN : JERAI
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN :

YB TUAN SABRI BIN AZIT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bersedia menambah persimpangan untuk U-Turn di sepanjang laluan Gurun – Jeniang bagi memudahkan penduduk sekitar melintas ke seberang jalan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JKR Daerah Kuala Muda telah membuat kajian keperluan u-turn pada semua persimpangan di sepanjang laluan Gurun – Jeniang bersama Bahagian Audit dan Program Keselamatan Jalan, Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia. Hasil kajian tersebut, U-Turn tidak sesuai dibuat di semua persimpangan di mana ia akan menyebabkan kesesakan dan membahayakan kepada pengguna jalan raya kerana tiada ruang bagi menyediakan lorong untuk U-Turn. Pembukaan lorong U-Turn akan menambahkan bilangan lorong jalan sedia ada. Ini seterusnya akan menyebabkan pengambilan tanah perlu dibuat. Buat masa ini, U-Turn hanya dibenarkan di persimpangan lampu isyarat yang disediakan sahaja.

Sekian terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 17.7.2019 (RABU)

SOALAN NO. 41

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status permohonan peruntukan naik taraf Jalan Kampung Dandulit dan minta supaya dapat mempercepatkan permohonan tersebut demi keselesaan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Dandulit Ke Kg. Banting, Sandakan, Sabah telah diluluskan dengan kos sebanyak RM14.5 juta. Projek telah dikeluarkan Surat Setuju Terima kepada syarikat pada 8 Mei 2019. Status terkini projek adalah di peringkat kerja-kerja penyediaan tapak. Projek ini dijangka siap pada 9 Jun 2021.